

KOMPLEKS UMNO

Pungut derma sistem yang praktikal diwujudkan

KUALA LUMPUR, Isnin — Ibupejabat UMNO Malaysia di sini mewujudkan sistem pungutan derma bagi pembinaan Kompleks UMNO, yang praktikal dan cekap serta menyediakan beberapa dorongan untuk menggalakkan pungut derma itu menjayakan kerjanya dengan lebih giat.

Di samping itu, Ibupejabat UMNO Malaysia juga sering mengeluarkan surat-surat ingatan kepada bahagian-bahagian UMNO yang agak lembab dalam usaha pungutan derma itu.

Menurut Setiausaha Agung UMNO Malaysia, Senator Datuk Haji Mustapha Jabar di sini hari ini, pihaknya juga sentiasa mengemukakan perkembangan kerjasama pungutan derma di setiap mesyuarat Majlis Tertinggi parti.

"Saya memang berbangsa kerana di mesyuarat Majlis Tertinggi itu, setiap pemimpin tertinggi UMNO peringkat pusat dan negeri dapat mengetahui perkembangan usaha kutipan derma yang kita lancarkan sejak Januari tahun ini.

"Menteri-Menteri Besar UMNO yang menghadiri mesyuarat itu, sebilangan besar adalah pengerusi Perhubungan UMNO Negeri masing-masing yang boleh menerangkan perkembangan kutipan ini kepada ketua-ketua bahagian UMNO di negeri-negeri berkenaan," katanya kepada Berita Harian.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan di Seremban malam Sabtu lalu, bahawa beliau kekal kerana kutipan derma untuk Kompleks UMNO yang di lancarkan sekarang sungguh mengecewakan.

Senator Datuk Haji Mustapha setuju dengan pendapat Datuk Seri Dr. Mahathir bahawa keadaannya itu wujud disebabkan kelemahan di pihak pengutip-pengutip yang sudah diperingkat-jawabkan.

Menurut Setiausaha Agung itu, Ibupejabat UMNO Malaysia melantik beberapa pengutip derma yang bertauliah

Oleh RUHANIE AHMAD

dan mendapat surat akuan dari pihaknya.

Bahagian-bahagian UMNO pula diberi galakan untuk memperbeatkan kutipan di kalangan ahli-ahlinya menerusi pemberian sa-guhati atau komisyen sebanyak 10 peratus dari jumlah derma yang dipungut menerusi pengeluaran setem-setem UMNO.

Setiausaha Kerja UMNO Malaysia, Encik Ahmad Bashir pula memberitahu Berita Harian, Ibupejabat UMNO di sini memang mewujudkan sistem pungutan derma dan dapat mengelakkan sebarang penyelewengan yang mungkin timbul.

Katanya, kutipan yang dibuat menerusi penjualan setem itu hanya boleh dibuat oleh pengutip bertauliah dan dikira oleh Ibupejabat UMNO Malaysia.

Pengutip bertauliah ini pula hanya dibenarkan mengutip atau menjual setem UMNO itu di kalangan anggota-anggota parti di bahagian yang dikuasakan. Ini akan mengelakkan pertelingkahan di kalangan bahagian.

Telingkah

Selanjutnya, kata Encik Ahmad lagi, setiap setem itu diberi nombor seri di mana sekiranya berlaku pertelingkahan antara bahagian, pihak Ibupejabat UMNO di sini akan dapat mengesan bahagian manakah yang menyebabkan perkara itu secara mudah.

Setem-setem yang dikeluarkan itu pula tidak boleh digunakan untuk urusan seperti digunakan untuk penghantaran surat dan sebagainya. Ibupejabat UMNO Malaysia telah membincangkan perkara ini dengan pihak-pihak berkenaan.

Setiap bahagian pula, kata Encik Ahmad, mempunyai secara hitung panjang sekurang-

kurangnya 50 pengutip derma atau penjual setem yang ditauliahkan oleh Ibupejabat.

Di samping itu, bahagian-bahagian juga diberi buku catatan jualan yang mesti diserahkan kepada pihak Ibupejabat setiap kali jualan sudah dibuat dan bila pertambahan setem, untuk jualan selanjutnya diperolehan.

Setiap bahagian diberikan 3,000 setem untuk jualan. Ibupejabat UMNO pula akan menghantar jumlah setem-setem untuk jualan selanjutnya, tetapi pada setiap masa, sesuatu bahagian itu mesti mengendalikannya jualan 3,000 setem.


Sistem ini difelakan praktikal kerana UMNO Malaysia bercadang mengutip derma itu kira-kira 7.2 juta setahun berasaskan jumlah anggota parti lebih kurang 850,000 orang di seluruh negara.

Galakan

Bagaimanapun, target kutipan tabung ini mungkin ditingkatkan kerana jumlah ahli UMNO sekarang hampir mencapai 750,000.

Menurut Encik Ahmad lagi, penderma-penderma juga disediakan dengan galakan-galakan seperti sijil penghargaan yang ditan-datangi oleh Bendahara tabung kutipan bagi derma \$100 ke atas serta sijil penghargaan yang ditan-datangi oleh Presiden UMNO, Datuk Hussein Onn, bagi mereka yang menderma \$10,000 atau.

Untuk meringankan lagi usaha-usaha penjualan setem itu, seseorang pengutip hanya dibenarkan menjual atau mengutip derma dari ahli-ahli UMNO di sesuatu bahagian saja. Ini bermakna sekiranya pengutip itu dari satu kawasan, maka dia pasti tahu siapakah ahli-ahli UMNO di cawangan itu.



DERMA KOMPLEKS BANGUNAN UMNO

BEGINILAH contoh setem UMNO yang dijual sebagai usaha mengutip derma tabung pembangunan Kompleks UMNO Malaysia, yang dilancarkan sejak Januari tahun ini.

Setem-setem ini dijual oleh pengutip derma yang bertauliah dan hanya boleh dijual kepada ahli-ahli UMNO di sesuatu bahagian saja.

Pembeli setem berjumlah \$100 ke atas akan menerima sijil penghargaan yang ditan-datangi oleh Bendahara Tabung Kompleks ini sementara yang membeli lebih dari \$1,000 akan diberi sijil penghargaan ditan-datangi oleh Perdana Menteri Datuk Hussein Onn. — Gambar Berita Harian.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia